

PERMOHONAN INSENTIF BAGI PENGUSAHA PELANCONGAN YANG MENGENDALIKAN PAKEJ PELANCONG ASING

PENGENALAN

Syarikat - syarikat pengusaha pelancongan yang mengendalikan pakej pelancongan dengan membawa pelancong asing ke Negeri Perak dengan bilangan yang ditetapkan untuk tempoh 3 hari 2 malam boleh membuat permohonan kepada Tourism Perak untuk mendapatkan galakan insentif iaitu percuma hos satu makan malam di restoran yang terpilih di Negeri Perak sahaja.

SYARAT - SYARAT

1. Syarikat - syarikat pengusaha pelancongan yang mengendalikan pakej pelancongan ke Negeri Perak dengan syarat membawa masuk minimum 30 pelancong asing bagi setiap perjalanan dalam Negeri Perak boleh mendapatkan insentif tersebut.
2. Syarikat - syarikat pengusaha pelancongan perlu berlesen dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dan mempunyai lesen yang sah semasa memohon insentif ini.
3. Tempoh berada di Perak adalah selama 3 hari 2 malam.
4. Permohonan insentif dari Tourism Perak perlu dikemukakan dalam tempoh 2 minggu lebih awal daripada tarikh itinerari bagi tujuan penyelarasan.
5. Syarikat yang memohon insentif ini hendaklah menyediakan risalah/itinerari bagi tujuan rekod Tourism Perak dan pentadbiran ini mempunyai hak untuk mendapatkan maklumat daripada risalah/itinerari bagi mengesahkan program.
6. Program ini hanya untuk Tahun Melawat Perak 2017 sahaja iaitu sehingga 31 Disember 2017
7. Kegagalan mengemukakan dokumen lengkap berdasarkan senarai semak boleh menyebabkan permohonan ditolak.
8. Borang Permohonan Insentif adalah percuma dan tidak melibatkan apa-apa kos pendaftaran.
9. Borang Permohonan Insentif hendaklah ditaip.
10. Borang Permohonan perlu disahkan oleh pihak hotel terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Pentadbiran ini.

Satu borang permohonan yang lengkap diisi dimajukan kepada :

Ketua Pegawai Eksekutif
Tourism Perak
22, 22A & 22B,
Jalan Teh Hawa,
30300 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
No. Tel. : +605 249 9966
No. fax : +605 242 3388
E mel : wow@tourismperakmalaysia.com

u.p. : Encik Zulhymi Effendy Bin Zakaria
Encik Mohd Fauzan Bin Baharudin